




"MEMULIAKAN RASULULLAH S.A.W".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi semua larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita akan diberikan taufik dan hidayah, serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Di hari yang mulia ini, khatib ingin mengajak sidang hadirin sekalian, untuk sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk "MEMULIAKAN RASULULLAH SAW." Hadirin yang dikasihi Allah SWT,</p>	6
<p>Allah SWT telah mengutuskan seorang Rasul kepada seluruh manusia sebagai pembimbing ke jalan yang diredhai-Nya. Allah Azza wa Jalla tidak akan membiarkan kita kabur dan sesat dalam kehidupan di dunia ini tanpa panduan. Baginda SAW yang diutuskan merupakan insan yang paling kasih kepada seluruh manusia dan sekalian alam, kerana setiap mutiara kata yang diungkap, setiap gerak langkah yang dibuat, semuanya menjadi pedoman kepada umat manusia agar berjaya dan selamat di dunia dan di akhirat.</p>	7

¹ Al-Taubah : 128.



<p>Firman Allah SWT dalam surat al-Taubah ayat 128 yang telah dibacakan di permulaan khutbah tadi membawa maksud:</p> <p><i>"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat inginkan kebaikan bagi kamu, (dan) dia menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman."</i></p>	8
<p>Allah SWT telah mengkhususkan beberapa ayat di dalam al-Quran menjelaskan kemuliaan nabi SAW sebagai utusan-Nya di akhir zaman, di antaranya adalah kemuliaan sebutan nama baginda SAW dalam surah al-Insyirah ayat yang ke 4:</p> <p style="text-align: center;"> وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ</p> <p><i>"Dan Kami (Allah SWT) telah meninggikan bagimu (wahai Muhammad SAW), sebutan namamu (dengan mengurniakan pangkat nabi dan pelbagai kemuliaan."</i></p>	9
<p>Dalam Tafsir Ibnu Kathir, Qatadah menjelaskan dengan mentafsirkan ayat ini bahawa, "Allah SWT mengangkat sebutan nama baginda nabi SAW di dunia dan di akhirat, tiada orang yang menjadi khatib, orang yang bersyahadah mahupun orang yang mendirikan solat, melainkan mereka akan menyebut namanya, iaitu di dalam lafaz dua kalimah syahadah yang menjadi satu kewajipan".</p>	10
<p>Kelebihan ini tidak diberikan oleh Allah SWT kepada makhluk yang lain, tidak kepada nabi-nabi yang lain dan tidak juga kepada para Malaikat.</p> <p style="text-align: center;">أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ</p> <p><i>"Aku bersaksi tiada Tuhan yang layak disembah selain Allah, dan aku bersaksi Nabi Muhammad SAW itu pesuruh Allah".</i></p>	11
<p>Mengasihi dan memuliakan baginda nabi SAW adalah satu perkara yang amat penting dan merupakan kunci kepada kejayaan seseorang muslim dalam menyempurnakan keimanannya. Mana mungkin seseorang yang tidak kasihkan nabi SAW dapat mengamalkan sunnahnya dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh, mana mungkin seseorang yang tidak memuliakan nabi SAW dapat menerima segala ajaran yang dibawanya dengan hati yang tulus dan terbuka.</p>	12



<p>Hadis daripada Anas bin Malik Radhiallahu Anhu beliau berkata, Rasulullah SAW telah bersabda:</p> <p>لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ</p> <p>"Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga aku lebih dia kasihi daripada anaknya, ayahnya dan seluruh manusia." (Riwayat al-Bukhari).</p>	13
<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Dalam memastikan diri menjadi seorang muslim yang sentiasa memuliakan Rasulullah SAW, kita hendaklah memahami sunnahnya secara terperinci dan menyeluruh. Ini bagi memastikan supaya kita tidak melampau dalam memahami sunnah, sehingga sewenang-wenangnya membid'ah, menyesat dan mengkafirkan <i>Ahli al-Qiblah</i> dalam kalangan umat Islam, dan tidak pula terlalu bebas tanpa sempadan sehingga membenarkan agama menjadi cair dan diselewengkan.</p>	14
<p>Imam Abu Ja'far al-Tahawi ada menyebut di dalam kitabnya al- Aqidah al-Tahawiyah yang bermaksud:</p> <p>"Dan kami menamakan <i>Ahli al-Qiblah</i> sebagai muslimin dan mukminin selama mana mereka mengiktiraf dan membenarkan apa yang dibawa dan dikhabarkan oleh nabi Muhammad SAW".</p> <p>Hadirin jumaat yang dirahmati Allah,</p>	15
<p>Dalam kita menghayati erti memuliakan dan mengasihi baginda SAW, mari kita hayati kisah seorang sahabat yang bernama Saidina Hassan bin Thabit al-Ansori Radhiallahu Anhu yang merupakan penyair hebat dalam membela Rasulullah SAW setelah beliau memeluk Islam. Beliau menggunakan kehebatan dan ketajaman bahasanya yang dimilikinya untuk menegakkan kebenaran Islam sehinggakan nabi SAW membina sebuah mimbar baginya di dalam Masjid al- Nabawi, untuk beliau mengalunkan syair dakwah dan Islam. Apabila telah meresap ke dalam dirinya rasa cinta dan kasih kepada Rasulullah SAW yang terlalu mendalam, dan teramat teruja dengan keindahan akhlak dan peribadi baginda Rasulullah SAW,</p>	16
<p>lalu diterjemahkan perasaan tersebut melalui bait syairnya yang berbunyi:</p> <p>وَأَجْمَلُ مِنْكَ لَمْ تَلِدِ النِّسَاءَ كَأَنَّكَ قَدْ خُلِقْتَ كَمَا تَشَاءُ</p> <p>وَأَحْسَنُ مِنْكَ لَمْ تَرَ قَطُّ عَيْنِي خُلِقْتَ مُبْرَأً مِنْ كُلِّ عَيْبٍ</p>	17



<p><i>"Dan tidak pernah matakmu melihat insan yang lebih baik ciptaannya daripada kamu (wahai Rasulullah), dan tidak pernah seorang wanita melahirkan seorang manusia yang lebih tampan daripada kamu. Kamu diciptakan bebas dari sebarang kekurangan, seolah-olah kamu diciptakan seperti yang kamu inginkan."</i></p>	18
<p>Muslimin yang di rahmati Allah sekalian</p> <p>Sesungguhnya memuliakan dan mengasihi Rasulullah SAW merupakan syarat kesempurnaan iman seseorang itu. Oleh itu, sesiapa yang menghina dan menyakiti baginda SAW merupakan suatu tindakan yang sangat biadab dan layak mendapat kemurkaan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 57:</p> <p>إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا</p>	19
<p><i>"Sesungguhnya orang-orang yang melakukan perkara yang tidak diredai Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknatkan mereka di dunia dan di akhirat, dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghina."</i></p>	20
<p>Para Ulama bersepakat bahawa hukum menghina nabi SAW adalah haram dalam Islam. Ini jelas berdasarkan ayat al-Quran yang memberi ancaman azab yang sangat pedih kepada pelakunya.</p>	21
<p>Sebaliknya, kita diperintahkan menghargai dan mengamalkan contoh tauladan yang ditunjukkan oleh baginda SAW kepada kita. Mengikuti segala sunnah dan tunjuk ajar nabi SAW bererti kita telah mendekati diri kepada redha Allah SWT. Manakala menjauhkan diri daripada cara hidup yang di bawa oleh Baginda SAW adalah petanda dan alamat yang buruk, kepada masa depan kita di dunia dan di akhirat.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	22



<p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib meyakini bahawa memuliakan dan mencintai nabi SAW merupakan satu ibadah, dan pra syarat keimanan kepada Allah SWT.2. Umat Islam hendaklah berusaha memperbanyakkan amalan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW dan menjauhi segala tegahannya, kerana itu merupakan bukti kita memuliakan dan mengasihi nabi Muhammad SAW.3. Umat Islam wajib mendidik anak-anak dan isteri dengan memperkenalkan peribadi dan akhlak baginda nabi SAW, supaya dapat menyuburkan benih kecintaan kepada baginda SAW.	23
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾</p>	24
<p><i>"Bukanlah Nabi Muhammad itu menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi dia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."</i> (al-Ahzab : 40).</p>	25
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	26
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	27



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تغكو أمير شاه إبنالسُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Ilmu Shahadah Zikir Nafas oleh Ismail Kassim. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15